## LATIHAN BERTEMA: GEOGRAFI FIZIKAL

**Bahagian A : Soalan Objektif**

- Kawasan tanah pamah
- Dataran yang paling luas di Malaysia

1. Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan kawasan
   A Dataran Rajang
   B Dataran Kelantan
   C Dataran Terengganu
   D Dataran Kedah Perlis

- Dataran paling selatan
- Sesuai untuk penanaman nanas

2. Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan
   A Dataran Johor
   B Dataran Rajang
   C Dataran Kelantan
   D Dataran Hilir Perak

3. Apakah kepentingan kawasan tanah tinggi kepada alam sekitar?
   A Kawasan getah
   B Penanaman strawberi
   C Banyak pusat perniagaan
   D Kawasan tadahan hujan

4. Aktiviti ekonomi yang dapat dikaitkan dengan kawasan pinggir laut ialah
   I pertanian
   II pelancongan
   III perdagangan
   IV perindustrian
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

5. Apakah bentuk muka bumi yang boleh ditemui di kawasan pinggir laut?
   A Jeram C Tetambak
   B Air Terjun D Batu tunggul

6. Mengapakah kawasan pinggir pantai penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia?
   A Kawasan pelabuhan
   B Kawasan hidroelektrik
   C Kawasan pembiakan ikan
   D Kawasan hutan paya bakau

7. Tasik semula jadi yang terbesar di Malaysia ialah
   A Tasik Bakun C Tasik Bera
   B Tasik Kenyir D Tasik Chini



8. Mengapakah kawasan dalam foto 1 di atas penting kepada ekonomi Malaysia?
   A Kawasan ekopelancongan
   B Menjadi sumber pengairan
   C Dapat menyederhanakan suhu
   D Menjadi kawasan tadahan hujan




9. Kepentingan kawasan **X** dalam peta 1 di atas adalah
   A Kawasan perlombongan
   B Kawasan penanaman padi
   C Kawasan perindustrian
   D Kawasan perikanan

- Ekopelancongan
- Tanaman hawa sederhana

10. Maklumat di atas boleh dikaitkan dengan kawasan
    A Dataran Kedah Perlis
    B Tanah tinggi Cameron
    C Tanah tinggi Genting
    D Pulau Langkawi

11. Di manakah lokasi puncak tertinggi di Malaysia?
    A Gunung Tahan C Gunung Kinabalu
    B Gunung Ledang D Gunung Everest

12. Bentuk muka bumi pinggir pantai yang mengalami proses hakisan ialah
    A jeram C beting pasir
    B tetambak D batu tunggul

LIVEWORKSHEETS

13. Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk di peringkat hilir sungai?
A Air terjun
B Tetambak
C Likuan sungai
D Jeram



14. Apakah bentuk muka bumi yang terdapat dalam foto 2 di atas?
A Teluk
B Tetanjung
C Gerbang laut
D Batu tunggul



15. Apakah kepentingan bentuk muka bumi dalam foto 3 di atas kepada manusia?
A Habitat flora dan fauna
B Kawasan tadahan hujan
C Menyederhanakan suhu
D Kawasan ekopelancongan

16. Mengapakah kawasan tanah tinggi penting kepada alam sekitar?
A Kawasan ekopelancongan
B Tanaman hawa sederhana
C Kawasan tadahan air
D Aktiviti pembalakan

**Bahagian B : Soalan Struktur**

1. Lengkapkan Rajah 1 di bawah .



*Rajah 1 : Sistem Fizikal Bumi*

LIVEWORKSHEETS

2. Tandakan kedudukan benua,




*Peta 1 : Peta Dunia*

LIVEWORKSHEETS

3. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

(a) Lapisan mesosfera menyebabkan kebanyakan meteor yang sampai ke bumi biasanya terbakar di lapisan ini.

(b) Lapisan termosfera merupakan lapisan di atmosfera yang menempatkan satelit.

(c) Lapisan litosfera ialah lapisan luar bumi yang terdiri daripada kerak bumi dan bahagian atas mantel.

(d) Lapisan mantel merupakan lapisan yang keras dan pejal serta terdiri daripada sial dan sima.

(e) Benua Afrika merupakan benua yang terbesar di dunia dengan keluasan kira-kira 30 juta kilometer persegi.

(f) Laut Sulu terletak di bahagian barat daya Filipina dan berdekatan dengan Pulau Borneo.

(g) Lautan Hindi ialah lautan yang terbesar di dunia dengan purata kedalaman 3900 meter.

(h) 135 juta tahun lalu semua benua bercantum sebagai satu daratan yang luas.

(i) Perlanggaran antara plat-plat yang terletak di kerak bumi secara serentak dipanggil sebagai sesaran.

(j) Kesan daya mampatan pada kerak bumi menyebabkan pembentukan gunung lipat.

(k) Pembentukan gunung bongkah akibat pergerakan kerak bumi yang melibatkan proses sesaran.

(l) Lava ialah batuan cair yang terdapat di bahagian bawah permukaan bumi.

(m) Pembentukan gunung berapi berlaku apabila terjadi pertembungan dua plat yang menyebabkan wujud zon terbenam.

LIVEWORKSHEETS

4, **Padankan dengan betul.**

(a) Sungai yang menjadi sempadan antara negeri Johor dan Pahang.

(b) Sungai yang berpunca dari Banjaran Iran dan mengalir ke arah barat.

(c) Aliran air yang deras dapat digunakan untuk menjana kuasa hidroelektrik.

(d) Sungai yang dapat dimudiki sehingga ke kawasan pedalaman.

(e) Sungai yang menjadi sumber pengairan utama bagi kegiatan pertanian penanaman padi.

(f) Bentuk muka bumi yang terbentuk di bahagian hilir sungai melalui proses hakisan dan pemendapan di tebing-tebing sungai.

(g) Bahagian ini terbentuk di pertengahan sungai apabila sungai mengalir melalui kawasan bukit-bukau.

(h) Antara bentuk muka bumi yang biasa dilihat di bahagian hulu sungai.

(i) Sungai yang terkenal dengan aktiviti meredah jeram dalam kalangan peminat sukan air lasak.

- Air terjun, lubang periuk dan jeram
- Likuan sungai, likuan terpenggal dan tasik ladam
- Susuh bukit berpanca
- Sungai Endau
- Sungai Baram
- Sungai Muda
- Empangan Pelagus
- Sungai Rajang
- Sungai Sedim, Kulim, Kedah

LIVEWORKSHEETS